

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Profesionalisme guru kian mantap; guru digesa terus akrab dengan ilmu, masyarakat



DR AZHAR IBRAHIM ALWEE

Dalam semua masyarakat bertamadun, tugas guru dipandang mulia dan disanjung. Dalam tradisi Islam, guru diberi pengiktirafan besar, sehingga ditanggapi mulianya itu seumpamanya tugas kedua termulia selepas kenabian (nubuwah).

Guru yang terdandang dan tersanjung dalam masyarakat kita, telah dan pastinya dapat menyempurnakan empat amanah utama.

Pertama mendidik anak bangsa, dari belum membaca sampailah ke menara gading.

Kedua, guru menghasilkan ilmu, pengetahuan, dan kemahiran menerusi penulisan, penyampaian dan perantara ilmu yang telah siap disusun sebelumnya.

Ketiga, memimpin dalam bermacam lapangan masyarakat, dari persatuan bahasa dan sastera, ke kesatuan guru, sehinggalah ada yang masuk parti politik, bertanding dan diangkat menjadi wakil rakyat.

Keempat, guru yang disegani itu, diharapkan menjadi contoh teladan yang baik, dari kesopanan tutur kata dan akhlak yang baik.

Dalam masyarakat Melayu, kelompok guru diberikan sapaan hormat, dipanggil 'Cikgu' yakni singkatan untuk Encik Guru.

Agamawan yang dihormati dipanggil Tuan Guru.

GURU DALAM SEJARAH MELAYU

Dalam sejarah nasionalisme Melayu, kelompok guru adalah kelompok yang paling giat tampil, malah sebelum timbulnya golongan karyawan, kelompok gurulah memajukan teraju utama dalam memimpin persatuan, masuk politik dan akhirnya mengisi ruang kepimpinan negara selepas Merdeka.

Munshi Abdullah (1796-1874) pernah menyebut: "Orang yang berguru dengan orang yang meniru itu terlalu jauh bezanya."

Sepanjang hayat Abdullah, beliau menjadi guru bahasa, penterjemah dan penyunting teks, yakni bekerja secara sambilan sebagai seorang 'Munshi' atau guru bahasa.

Abdullah sendiri menyebut dan menghargai guru yang telah mengajarkan bahasa Melayu dan Arab.

Anakanda Munshi Abdullah (1840-1904), yang juga memakai gelar Munshi, bernama Muhammad Ibrahim Abdullah.

Munshi Ibrahim pernah menjadi guru sekolah di Telok Blangah sehingga akhirnya dilantik menjadi menteri yang diamanahkan menyusun pendidikan negeri Johor moden.

Malah buku sekolah awal yang terpakai di Johor telah disusun oleh beliau, selain menggubal pewarta Pendidikan Wajib yang harus terpakai kepada anak bangsa Johor.

Sekiranya Munshi Abdullah menghasilkan Kisah Pelayaran Abdullah (1838) yang menceritakan perjalanannya ke Negeri-Negeri Melayu pantai timur, anakandanya pula menulis *Kisah Pelayaran Munshi Ibrahim*, mencatatkan pula perjalanan ke pantai barat Semenanjung.

Malah beliau telah juga menghasilkan Kitab Pemimpin Jauhar (1877) dan Benih Pengetahuan (1900) yang penting dalam pembangunan pendidikan di Johor.

Pada abad ke-20, Johor melahirkan barisan cerdik pandai.

Antaranya dua guru, yakni Abdullah Sidek (1913-1973) dan Shahrarom Husain (1919-2008), yang masing-



Finalis Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) 2024 terdiri daripada (dari kiri) Cik Norhayati Jidin, Cik Nur Umairah Kasmani, Cik Sakinah Mohamed Mohsen, Cik Faridah Mohamed Ali, Cik Hafiza Yahya, Cik Nur Syifa' Hussin, Cik Siti Aishah Mohd Kamsani dan Encik Mohd Bahari Rajab. Berdiri di belakang ialah tiga daripada empat pengerusi bersama jawatankuasa penganjur Agab 2024, iaitu (belakang, dari kiri) Profesor Madya Mohd Mukhlis Abu Bakar, Encik Abdul Harris Sumardi, dan Cik Sabiah Abas. – Foto fail

Guru, khazanah dan amanah bangsa

masing menempa nama dalam dunia kesusasteraan Melayu.

Abdullah Sidek adalah guru yang setia berkhidmat berdekad-dekad lamanya, dengan kegigihan menghasilkan puluhan novel dan cerpen.

Beliau melihat kerjaya guru itu terpanggil juga untuk memimpin masyarakat, selain menjadi penulis untuk memakmurkan taman bacaan untuk sentuhan moral dan seni.

Teristimewa guru Melayu, Abdullah Sidek, menyeru agar para guru tampil ke depan menyumbang untuk masyarakat, agar mereka tidak dipandang sepi.

Diserukan beliau agar mereka giat menulis:

"Guru-guru yang boleh dan berkecenderungan atau mahu mengarang buku-buku cerita rekaan dan buku pengetahuan, atau mengarang rencana untuk siaran akhbar dan majalah, janganlah berasa jemu dan bosan, teruskanlah perusahaan itu."

Supaya dengan jalan itu, bukan sahaja mereka akan mendapat hasilnya, tetapi dengan jalan inilah orang ramai dapat tahu bahawa guru-guru Melayu yang dipandang rendah — tidak tahu akan bahasa orang lain itu, ada mempunyai fikiran cemerlang dan kemahuan yang membina."

Shahrarom Husain pula selain mengajar, banyak menulis khasnya karya bertema sejarah sama ada dalam bentuk novel, drama dan buku ilmiah.

Membaca *Memoir Shahrarom Husain* (1996), kita pasti akan terkesan dengan aktivisme guru pada zaman beliau.

Malah beliau sempat mengingatkan kepada para guru, agar jangan melihat penguasaan bahasa Melayu sebagai perkara yang cukup tersempurna kerana bagi beliau "bahasa ialah suatu yang hidup, bergerak dan membesar dan meluas dari masa ke masa. Kalau tidak diikuti perkembangannya, tertinggalah kita di belakang."

Kita di Singapura beruntung kerana sistem pendidikan dirancang cermat dengan peruntukan besar.

Pendidikan dan pelatihan guru diberikan keutamaan. Insentif untuk mengekalkan guru dalam perkhidmatan

dipertingkat dari masa ke masa, dengan laluan perkhidmatan dipelbagai.

Pengiktirafan kepada guru cemerlang menerusi Anugerah Arif Budiman adalah usaha menggalak kecemerlangan dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu.

Paling menarik adalah barisan guru yang juga menjadi sasterawan di Singapura.

Seawalnya dari Harun Aminurrashid, Mahmud Ahmad, Muhammad Arif Ahmad, Masuri S N, Suratman Markasan, Suradi Parjo, Aliman Hassan, sampailah ke Mohamed Latiff Mohamed, mereka kesemuanya cikgu-cikgu yang disegani.

Terasuklah beberapa guru yang kemudian menjadi aktivis yang bergiat dalam beberapa pertubuhan masyarakat. Antaranya Saerah Taris dan Noor Hasnah Adam.

Cikgu Harun (HAR) ialah adiguru yang sangat disegani, memimpin dalam beberapa pertubuhan dan penerbitan, sampai masuk bertanding dalam politik.

Dari penulisan HAR, dapat kita lihat kepedulian beliau tentang soal pendidikan, bahasa, sejarah, kemajuan ekonomi dan budaya, serta masa depan belia dan nasib perempuan.

GURU PERLU BERGIAT DALAM MASYARAKAT, TERLIBAT WACANA SOSIAL

Guru adalah tiang seri pendidikan.

Tidak ada apa-apa makna untuk sesebuah institusi pendidikan sekiranya barisan gurunya tidak berwibawa, kurang latihan, daif sumber dan tidak berwawasan.

Sistem pendidikan yang lemah tentunya ada kaitan dengan kelakonan guru.

Hari ini profesionalisme guru semakin mantap, yang mana para guru menguasai aspek pedagogi, kurikulum, penilaian selain mengurus pentadbiran sekolah.

Sering guru diminta mengurus kokurikulum pelajar atau memberikan kaunseling.

Belum lagi guru harus selalu berdepan dengan ibu bapa dan waris pelajar.

Dengan tugas yang semakin padat, para guru jarang dapat bergiat dalam masyarakat.

Jauh lagi untuk membelek buku, menambah ilmu dan perspektif.

Tanpa terlibat dalam masyarakat, cakerawala yang luas tak mungkin dapat diisi.

Tantangan ke depan adalah profesionalisme sebegini menjadi tegar dan kaku sehingga para guru semakin terlepas dari keakraban dengan membangun ilmu, malah semakin menjauh dengan masyarakat atau kejiranan yang mana mereka ditugaskan.

Inilah terjadi bila suatu kerja itu melalui pengkhususan yang semakin menjurus satu arah.

Demi mengelakkan kerja guru menjadi ritus harian dan mekanistik sifatnya, maka penting para guru mencari peluang dan ruang untuk akrab, dan mendekati dunia penulisan kreatif, kajian ilmiah dan terlibat dalam wacana sosial.

Guru yang akrab dengan dunia ilmu, pasti akan memberi nilai tambah kepada rencana pembelajaran dalam kelas.

Di sinilah letaknya peri penting memperluas cakerawala keguruan yang punya tekad kuat untuk mencapai keunggulan, kesedaran sejarah yang membangun, dan keterbukaan dengan ilmu dan teknik baharu.

Paling penting mereka terpanggil, sebagai kelompok, untuk tampil menyumbang kepada masyarakat, baik itu kerja relawan mahupun berperanan sebagai pemimpin pemikir.

Hari ini galakan kepada mempertingkatkan kemahiran dan belajar sepanjang hayat, seyogianya dimanfaatkan semua golongan.

Kelompok guru juga harus sama.

Bergabung dalam forum wacana, menulis kertas kerja untuk seminar dan penerbitan harus menjadi portfolio guru.

Pastinya ini perlukan penerapan menimba ilmu sepanjang hayat.

Guru sekiranya berada dan aktif dalam gelanggang ilmu pastinya akan menjadi obor pencerah kepada anak didik dan masyarakatnya sekali gus.

Hormat kepada guru jika dipanjangkan membawa erti hormat kepada ilmu.

Pada ilmu pula wajar terkandung di dalamnya nilai luhur, hikmah dan budi pekerti, fikiran dan ilham, serta adab dan seni.

Sebagaimana disebut Usman Awang: "Panggilan keramat 'cikgu' kekal terpahat".

Inilah pernah terucap dalam puisi beliau, *Guru Oh Guru* (1979).

Sedikit dari rangkap puisi tersebut, sehingga beliau melantunkan bahawa guru itu:

*Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum jadi dewasa.
Dialah ibu dialah bapa juga sahabat
Alur kesetiaan mengalirkan nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat
Seribu tahun katanya menjadi hikmah.
Begitulah kekaguman dan kalungan Usman kepada para guru.*

Guru yang menyempurnakan tugasnya dengan cemerlang adalah penyempurnaan amanah juga.

Dalam wacana hari ini, dicari tokoh yang boleh disebut sebagai 'Guru Bangsa'.

Dari barisan 'Guru Bangsa' ini sejumlah besar semanganya pun menjadi guru atau pendidik.

Sesungguhnya amanah yang disempurnakan oleh para guru kita telah dan akan dapat membina keluarga, masyarakat dan umat.

Ada baiknya kita menyusun sejarah keguruan yang terbangun dalam masyarakat, khususnya di Singapura.

Ia seharusnya merangkumi guru dengan makna yang luas, agar dapat kita menelusuri bakti kerja, pemikiran dan keluasan visi para guru kita.

Inilah khazanah yang tertanggung amanah di pihak kita untuk membilang dan memperpanjang.

► Dr Azhar Ibrahim Alwee ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas *Berita Minggu* (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.